

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTeM**  
**YBHG PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

---

**MAJLIS MENANDATANGANI MoA BERSAMA  
ARUS RENTAS SDN. BHD.  
6 OGOS 2014 (RABU)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

**Y. Berbahagia Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Ladin**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

**Y.Berusaha En. Nizran bin Nordin**  
Pengarah Urusan Arus Rentas Sdn. Bhd.

**Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Y.Bhg. Prof Dr. Muhamad Ghazie bin Ismail**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Pegawai - Pegawai Arus Rentas Sdn. Bhd

Rakan Media, Rakan-rakan dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum wrt wbr dan Salam Sejahtera.

## **KATA ALUAN:**

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bersama-sama berkumpul di Dewan I, Kampus Teknologi UTeM pada petang yang barakah ini.

**Budak Kecil Bermain Lilin,  
Asyik Bermain Tak Ingat Masa,  
Majlis Dilaksana Kerjasama Terjalin,  
Memacu Penyelidikan Memanfaat Bangsa**

Tuan-tuan & Puan-puan Sekalian,

Pada petang ini kita bakal menyaksikan Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian **G-COUPON™** di antara UTeM dan Arus Rentas Sdn. Bhd. Usaha ini sememangnya amat bermakna bagi UTeM dalam memperluaskan lagi kolaborasi khususnya usaha pengkomersilan produk penyelidikan yang dibangunkan oleh penyelidik-penyalidik UTeM. Sesungguhnya menerusi jaringan kerjasama ini sudah pasti memberikan manfaat serta kelebihan dalam menyemarakkan serta menjayakan agenda inovasi demi kepentingan bersama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Arus globalisasi telah banyak mengubah persekitaran dunia menjadi semakin kompleks. Perubahan ini turut memberi kesan pelbagai dimensi kepada sektor pengajian tinggi yang mana memerlukan UTeM untuk peka dan responsif terhadap tuntutan baru dan dinamik bagi memenuhi keperluan masyarakat, industri juga negara agar sentiasa relevan, dirujuk serta dihormati. Menyedari kepentingan penyelidikan di IPT, maka enam (6) Pusat Kecemerlangan (CoE) telah dibentuk di UTeM yang berperanan mempergiat dan memperhebatkan lagi hasil

penyelidikan berimpak tinggi bagi memenuhi keperluan masyarakat dan industri.

Alhamdulillah kejayaan demi kejayaan diraih oleh penyelidik UTeM menerusi pelbagai penyertaan dalam pameran dan pertandingan diperingkat nasional, serantau mahupun antarabangsa seperti di Malaysia Technology Expo (MTE), International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX), Seoul International Invention Fair (SIIF) dan Brussels Innova, the International Exhibition of Innovation, Entreprenuership and New Technology dan lain-lain lagi. Ini menunjukkan bahawa bidang penyelidikan universiti telah berada di

aras yang mantap, namun usaha ini harus diperkuuhkan menerusi perlaksanaan inisiatif-inisiatif strategik bagi merancakkan lagi kecemerlangan penyelidikan universiti agar setaraf dengan universiti terkemuka di dunia. Untuk makluman semua hadirin, antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah melalui peruntukan geran-geran penyelidikan di peringkat Kementerian mahupun universiti sebagai galakan kepada para penyelidik untuk membangunkan lebih banyak produk-produk penyelidikan bercirikan inovatif dan berteknologi tinggi yang bukan sahaja menepati keperluan dan kehendak semasa, malah mampu memberi penyelesaian terhadap permasalahan yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat, sebagai contoh masalah lalu

lintas dan pengurusan parkir kenderaan. Selain itu usaha bersepadu bagi meningkatkan sumber perolehan geran swasta dan antarabangsa terus dilaksanakan agar tidak hanya bergantung kepada geran kerajaan dan universiti sahaja bagi memperkasakan lagi sektor penyelidikan. Bagi merancakkan lagi inisiatif penyelidikan, geran penyelidikan Centre of Excellence (CoE) MTUN turut diwujudkan bagi membentuk jalinan penyelidikan antara universiti-universiti MTUN iaitu UTeM, UTHM, UMP dan UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Perbandaran telah menyediakan banyak ruang parkir kenderaan terutama di kawasan yang menjadi tumpuan ramai. Usaha ini adalah bagi memberi kemudahan kepada masyarakat agar dapat menjalankan urusan dengan selesa. Namun, seringkali didapati bahawa kemudahan parkir yang disediakan adalah secara berbayar mengikut kadar tertentu bergantung kepada tempoh kenderaan tersebut diletakkan. Secara lazimnya, kebanyakan pihak berkuasa tempatan masih lagi melaksanakan sistem parkir berkupon yang mengekalkan ciri-ciri tradisi yang mana pengguna perlu membeli

kupon tersebut daripada vendor-vendor yang telah dilantik khas dan menggores tarikh serta masa penggunaan parkir tersebut. Penggunaan sistem kupon seperti ini sering mendatangkan masalah kepada pengguna kerana ciri-ciri yang kurang mesra pengguna dan kadang kala kesukaran untuk mendapatkannya dari vendor-vendor yang dilantik.

Atas kesedaran ini, sekumpulan penyelidik UTeM dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah mengambil inisitif dalam membangunkan satu produk inovasi yang diberi nama G-Coupon – Smart Green Parking Coupon. Proses penghasilan produk ini

mangambil masa selama 2 tahun dan mempunyai fungsi serta ciri yang lebih mesra pengguna dengan melibatkan aplikasi telefon pintar. Penghasilan G-Coupon ini dilihat sebagai satu solusi pintar yang berkesan dalam mengatasi masalah parkir yang lazimnya dihadapi oleh pengguna dan penguatkuasa tempatan. Pembangunan G-Coupon ini dilengkapi dengan 5 modul iaitu Modul Tiket, Pembayaran, Saman, Pemantauan dan Penguatkuasaan yang mampu memenuhi keperluan pengguna parkir dan pihak berkepentingan. Produk ini juga berkonsepkan mesra persekitaran yang sekaligus menyumbang kepada inisiatif kerajaan tempatan dalam merealisasikan visi Negeri Melaka sebagai NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU menjelang tahun 2020.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Untuk makluman semua, Memorandum Persefahaman (MoA) yang bakal ditandatangai oleh UTeM dan Syarikat Arus Rentas Sdn. Bhd ini adalah bertujuan mengkomersilkan produk G-Coupon menerusi penjualan harta intelek (IP) secara mutlak (outright sale) kepada Syarikat arus Rentas Sdn. Bhd. agar teknologi ini dapat dipasar dan digunakan secara lebih oleh pihak berkuasa yang juga akan memudahkan pengguna sejagat . Sebagai Universiti yang masih muda, UTeM sentiasa melihat ruang dan peluang yang ada bagi menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam meningkatkan lagi

mutu penyelidikan di samping pengkomersilan produk penyelidikan yang dibangunkan secara bersama.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada kumpulan penyelidik dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Sazilah Salam di atas komitmen jitu dalam membangunkan produk G-Coupon yang diyakini mempunyai nilai komersil yang tinggi.

Dikesempatan ini juga saya bagi pihak UTeM mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arus Rentas Sdn. Bhd. menerusi Pengarah

Urusannya, En. Nizran bin Nordin yang bersetuju untuk membeli harta intelek (IP) secara mutlak (outright sale) dengan harga RM 150,000.00. Semoga melalui usaha ini akan memacu deras usaha Universiti untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia. Akhir sekali, Syawal baru seminggu bermula dan aidilfitri masih dirai; justeru itu saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin kepada semua yang hadir di majlis petang ini.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah,  
wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.